

01 SEP 1999

Mahathir-pembinaan

DR MAHATHIR MINTA SYARIKAT PEMBINAAN DAPATKAN PROJEK ASING

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Industri pembinaan tempatan perlu menggunakan pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada mengendalikan projek besar kerajaan untuk mendapatkan kontrak asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata dalam tempoh kegawatan ekonomi, banyak peluang terdapat di luar negara yang memerlukan agar industri itu menimba pengalaman daripada syarikat-syarikat pembinaan antarabangsa bagi menjalin pakatan bijak dengan mereka.

"Bagaimanapun, untuk menjamin agar pakatan mapan wujud, syarikat-syarikat ini harus mempunyai kelebihan tertentu agar mereka memperolehi manfaat daripada sinergi yang dihasilkan daripada pakatan ini," katanya kepada merasmikan Minggu Pembinaan Antarabangsa di sini hari ini.

Program anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia itu, mengandungi forum, pameran peralatan dan seminar serta menumpu kepada ciri-ciri global dalam industri pembinaan masa kini.

Dr Mahathir berkata beberapa kelebihan yang dinikmati oleh syarikat Malaysia diperolehi daripada pengalaman mengendali sebahagian daripada projek kerajaan yang besar dan canggih.

Katanya semua projek terkemuka seperti Empire State Building di New York dan Jambatan San Francisco serta Chunnel (terowong dasar laut) yang menghubungkan Britain dan Perancis dikenali bukan hanya kerana saiznya tetapi lebih kerana cabaran kejuruteraan dan modal pengetahuan yang digunakan yang menjadi faktor utama kejayaannya.

"Berdasarkan kelebihan inilah konglomerat pembinaan mendapat tender untuk projek di seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun ekonomi sudah mulai pulih dengan pertumbuhan positif 1 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mampu dicapai tahun ini, industri pembinaan tidak boleh mengaku berjaya lagi.

"Sebarang peningkatan dalam sektor penting ini, paling tidak, adalah dalam bentuk penurunan dalam pertumbuhan negatif. Ketika ekonomi sedang pulih, industri pembinaan perlu tunggu gilirannya untuk keluar dari belunggu itu," katanya.

Perdana Menteri berkata perkara itu memang menjadi jangkaan kerana industri itu banyak bergantung kepada permintaan yang wujud hasil perkembangan ekonomi yang terbentuk oleh sektor hiliran seperti perbankan dan pekilangan, yang sebaliknya menyokong industri hulu berasaskan sumber.

Industri itu ialah antara yang teruk terjejas semasa kemelesetan ekonomi tetapi perkara itu bukanlah sesuatu yang luar biasa di Malaysia, katanya.

"Seringkali, ketika sesebuah negara melalui kitaran ekonomi, industri ini akan menjadi antara yang pertama merasakan kesan kelembapan ekonomi dan antara yang terakhir mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi.

"Ini kerana industri ini diakui satu daripada petunjuk kecergasan ekonomi mana-mana negara," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri turut menyaksikan penyerahan sijil ISO 9000 kepada CIDB sebelum melawat pelbagai gerai di dewan pameran.

Dr Mahathir, yang berminat dalam bidang pertukangan, meluangkan masa lebih sejam mengunjungi beberapa gerai milik syarikat Malaysia dan asing yang mempamerkan bahan dan peralatan pertukangan.

Pada sidang media kemudian, beliau berkata sekiranya projek luar negara dapat diperolehi, itu akan mempertingkatkan eksport kerana Malaysia kini mampu membekalkan bahan binaan bermutu.

Katanya pada pameran yang sedang berlangsung itu, terdapat banyak barangan tempatan bermutu dan canggih termasuk keluaran baru seperti yang dibuat daripada sekam padi, serat daripada pokok kelapa sawit, sistem bumbung dan kren.

"Kemampuan kita dalam industri pembinaan telah meningkat dengan banyaknya dan kita sekarang boleh mengeksport," katanya.

-- BERNAMA

gm mai